

**Dr M: Niatnya ada, tapi demonstrasi bukan cara saya**  
**Free Malaysia Today**  
**Jun 17, 2016**  
**Adam Abu Bakar**

**Sebaliknya, Dr Mahathir berharap desakan dan tandatangan yang diturunkan dalam Deklarasi Rakyat akan didengari raja-raja Melayu.**

SUNGAI BESAR: Bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata walaupun ada menyimpan niat mengadakan demonstrasi jalanan menjatuhkan Datuk Seri Najib Razak, ia bukanlah cara beliau.

“Saya berminat juga untuk sertai demonstrasi jalanan, tetapi bukan cara saya. Tentu kalian tahu lagu ‘My Way’, ini bukan cara saya.

“Tetapi saya percaya suara dan kekuatan rakyat,” katanya dalam sidang media, selepas Majlis Peduli Rakyat, di Tali Air 8, hari ini.

Sebaliknya, Dr Mahathir berharap dengan desakan dan tandatangan yang diturunkan dalam Deklarasi Rakyat, mungkin raja-raja Melayu akan mendengar dan seterusnya mengambil tindakan.

Dr Mahathir berkata kerajaan sendiri ternanti-nanti rakyat mengadakan demonstrasi jalanan sekali lagi supaya boleh menggunakan gas pemedih mata dan memberkas pemimpin yang terlibat.

“Mereka tidak akan dapat tangkap kesemua peserta, kerana akan ada 500 ribu peserta. Ideanya adalah untuk menangkap pemimpin supaya dapat melumpuhkan keseluruhan demonstrasi.

“Disebabkan itu mereka kini seolah-olah sedang mendesak untuk kita lakukan demonstrasi jalanan,” kata Dr Mahathir.

Sementara itu, Presiden Parti Amanah Negara (Amanah), Mohamad Sabu berkata pihaknya kini sedang mengkaji sama ada sesuai atau tidak diadakan demonstrasi jalanan.

“Kita lihat perkembangan terlebih dahulu. Kerana demonstrasi jalanan adalah salah satu cara demokrasi tanpa menggunakan kekerasan.

“Itu bergantung kepada situasi dan perkembangan semasa,” katanya sewaktu menjawab soalan pemberita sama ada demonstrasi akan dilakukan.

**Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.**

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/06/17/dr-m-niatnya-ada-tapi-demonstrasi-bukan-cara-saya/>